

# HIZBULLAH

## MENEBUS MARUAH UMAT



2.42  
IZ

Terjemahan  
**SAADON AKSAH** et al.

PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
AN  
PERDANA



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

# **HIZBULLAH**

## **MENEBUS MARUAH UMAT**



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

# HIZBULLAH

## MENEBUS MARUAH UMAT

*Terjemahan*  
SAADON AKSAH  
MUHAMMAD NOR ABD SAMAD



**Hizbullah: Menebus Maruah Umat**  
**Saadon Aksah dan Muhammad Nor Abd Samad**

Judul asal: *Hizbullah: Party of God. Writings from an Islamic Movements Perspective*. Penerbit: The Other Press, Kuala Lumpur dengan kerjasama Crescent International, London.

Edisi Bahasa Malaysia ini diterbitkan oleh:

**HARAKAH**

Jabatan Penerangan dan Penyelidikan, Parti Islam Se-Malaysia  
No 28, Jalan Pahang Barat, Off Jalan Pahang  
53000 Kuala Lumpur.

Perpustakaan Negara Malaysia. Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan  
Hizbullah menebus maruah umat / terjemahan Saadon Aksah, Muhammad Nor Abd Samad.  
ISBN 983-3172-20-2

1. Hizbullah (Lebanon). 2. Islam and politics-Lebanon. 3. Shiites-Lebanon-Political activity.  
4. Israel-Arab Border Conflicts, 1949. I. Saadon Aksah. II. Muhammad Nor Abd Samad.  
322.42095692

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel dan isi kandungan buku ini dalam apa-apa juga bentuk dan dengan apa-apa jua cara, sama ada elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara-cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Harakah, Jabatan Penerangan dan Penyelidikan, Parti Islam Se-Malaysia.

fon  
AGaramond 12 poin

atur huruf oleh Destrprint

Pengedar Utama:  
Nufair Street Sdn Bhd  
22A Jalan Pahang Barat, Off Jalan Pahang  
53000 Kuala Lumpur.  
(Tel: 603-40253525 / [www.nufair.com](http://www.nufair.com))

## ■ K A N D U N G A N ■

Prakata Penerbit	vii
Nota Editor	xiii
Kronologi peristiwa penting	xvii
Peta	xxiv
<i>Pengenalan</i>	
Hizbullah sebagai model gerakan Islam	1
Bagaimana semuanya bermula	7
Modus operandi gerakan pembebasan pimpinan Hizbullah	13
Kepimpinan, komitmen dan keberanian - asas kejayaan	19
Faktor-faktor kejayaan Hizbullah di selatan Lubnan	31
Kemenangan Hizbullah dan komitmen pada Sirah	37
Menabur rasa takut di hati pengikut syaitan	41
Tidak sekadar membela golongan tertindas	47
Ziarah ke wilayah yang dibebaskan daripada cengkaman Zionis	53
Mengenang penyembelihan rakyat Palestin di Sabra dan Shatilla	59



"Tidakkah kamu mahu berjuang menentang mereka yang memungkiri janji...?"	67
Perjuangan rakyat Palestin	73
Amaran terakhir buat Zionisme	83
<i>Rumusan Pengarang</i> Hizbullah: Penyelesaian kepada masalah Arab-Israel	91
<i>Epilog</i> Negara sementara, ibu negara 'abadi'...	97
<i>Apendiks</i> Dari Kortina ke pentas dunia	103
<i>Glosari</i>	113

## Prakata Penerbit

**P**ERSEPSI meluas tentang Hizbullah, khasnya di dunia Barat, ialah pertubuhan itu merupakan sebuah organisasi pengganas bersenjata yang melakukan penculikan dan pembunuhan. Walaupun tempoh awal kewujudannya sebagai sebuah gerakan politik agak kontroversial dan kelabu, Hizbullah telah berkembang menjadi kuasa politik yang penting di Timur Tengah dan Lubnan khasnya.

Hizbullah lahir berikutan kebangkitan sosial masyarakat Syiah Lubnan pada akhir 1960-an dan awal 1970-an, dan memperoleh inspirasinya daripada Imam Musa Sadr, yang dikatakan 'hilang' di Libya pada 1978.

Gerakan Rakyat Terpinggir (*harakat al-mahrumin*) pimpinan Sadr dan sayap militernya, *Amal*, kemudian terjerumus ke dalam kemelut politik Lubnan dan Perang Saudara selama 15 tahun. Pencerobohan Israel pada 1982 menjadi pemangkin kepada peningkatan kesedaran politik masyarakat Syiah Lubnan. Hizbullah muncul dengan matlamat menentang pencerobohan itu dan membela masyarakat setempat yang hidup daif dan terpinggir.

Walaupun *Muqawwama al-Islamiyah* (Gerakan Pembebasan Islam) kini mendapat perhatian dunia, pelbagai kegiatan kemasyarakatan Hizbullah yang lain jelas lebih penting dan merupakan sebab mengapa gerakan itu mendapat sokongan popular masyarakat Lubnan, sekali gus menjadi punca kekuatannya.

Hizbullah menjalankan pelbagai kegiatan kebajikan dan perniagaan, termasuk hospital, pusat kesihatan, sekolah, rumah anak yatim, pusat pemulihan orang kurang upaya, pasar raya, stesen minyak, syarikat pembinaan, stesen radio (Nur) dan stesen televisyen (al-Manar). Pada pertengahan 1990-an, Hizbullah turut bertanggungjawab ke atas kerja-kerja kemudahan awam di kawasan pinggir bandar selatan Beirut.

Kegiatan penentangan di selatan Lubnan yang dipimpin oleh Hizbullah jelas mencabar moral dan daya tahan tentera penjajah Israel. Pada 1997 sahaja, rejim Zionis kehilangan 35 anggota.

Apa yang sering tidak difahami ialah hakikat bahawa matlamat gerakan penentangan di selatan Lubnan bukanlah untuk melancarkan serangan ketenteraan ke atas wilayah di utara Israel, seperti yang dijalankan oleh gerila Palestin pada tahun 1970-80-an, tetapi untuk membebaskannya daripada pendudukan negara Zionis itu.

Hari-hari apabila Israel boleh menceroboh dan menjarah masyarakat kampung petani Arab dengan angkatan tenteranya yang moden itu telah hampir berlalu. Masyarakat Arab Lubnan jelas masih lemah, tetapi kini mereka mampu memberi tentangan yang setara.

Rasa panik Israel terhadap keupayaan musuh mereka ini menjelaskan mengapa mereka bertindak mengebom dan memusnahkan jambatan, jalan raya, stesen radio, tv, kemudahan internet dan sebagainya dalam perang baru-baru ini. Tujuannya ialah untuk memutuskan laluan perhubungan Hizbullah dan masyarakat setempat, sekali gus melemahkannya.

Namun, semuanya telah terlewat bagi Israel. Selatan Lubnan telah memilih untuk terus berhubung dengan masyarakatnya sendiri kerana mereka percaya hanya dengan kekuatan itu mereka dapat membebaskan diri daripada kehinaan yang datang bersama-sama perpecahan.